

Mesyuarat 2 hala bincang isu geopolitik serantau

Pertemuan Anwar, Li Qiang turut sentuh potensi kerjasama ASEAN-China dan krisis di Myanmar

Kuala Lumpur: Mesyuarat dua hala antara Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan rakan sejawatannya dari China, Li Qiang berserta delegasi kedua-dua negara semalam, membincangkan isu geopolitik serantau serta berkaitan kepentingan bersama.

Menurut Perdana Menteri, mesyuarat berlangsung selama lebih satu jam itu turut menyentuh potensi kerjasama ASEAN-China di bawah kepengerusian Malaysia pada tahun depan, Dasar Satu China dan situasi di Laut China Selatan.

Anwar yang juga Menteri Kewangan turut menyatakan keperluan untuk China memainkan peranan dalam soal krisis kemanusiaan di Myanmar, selain menzahirkan penghargaan di atas sokongan tegas China terhadap Palestin.

"Saya turut mengambil kesempatan untuk menjemput Presiden Xi Jinping mengadakan kunjungan rasmi ke Malaysia secepat mungkin. Perbincangan hari ini (semalam) mengenai potensi memperluas hubungan perdagangan kedua-dua negara.

"Ketika ini, China kekal rakan dagangan terbesar Malaysia sejak 15 tahun lepas. Mesyuarat ini turut menyentuh kemajuan projek antara kedua-dua negara seperti Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Lembah Automotif Berteknologi Tinggi serta beberapa bidang lain yang berpotensi un-

tuk diteroka bersama.

"Ia termasuk kenderaan elektrik, pelancongan, pertanian, ekonomi digital, pendidikan dan teknologi," kata Perdana Menteri menerusi hantaran di X, semalam.

Anwar berkata, beliau dan Li Qiang juga senada dalam komitmen untuk terus memperkukuh hubungan persahabatan yang terjalin erat antara kedua-dua negara, berlandaskan nilai-nilai yang dikongsi bersama di bawah konsep MADANI dan Komuniti Masa Depan Bersama.'

Perdana Menteri mengalu-alukan lebih banyak perkongsian strategik dan pelaburan bernilai tinggi ke Malaysia sebagai kesinambungan prestasi pelaburan tahun lalu, yang mana 64 pelaburan China bernilai AS\$2.6 billion diluluskan dan membabitkan hampir 10,000 peluang pekerjaan baharu.

Selain itu, beliau menzahirkan penghargaan di atas kunjungan penuh bermakna delegasi China berkenaan ke Malaysia sempena ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik kedua-dua negara.

14 MoU perkukuh kerjasama

Sementara itu, 14 memorandum persefahaman (MoU) dan memorandum perjanjian (MoA), protokol dan kenyataan bersama melibatkan sembilan kementerian telah ditukar antara Malaysia dan China, semalam, disaksikan Perdana Menteri kedua-dua negara.

Sembilan kementerian itu ialah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI); Kementerian Kewangan (MoF); Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan; Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Selain itu, Kementerian Dalam Negeri (KDN); Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI); Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT); Kementerian Pelancongan,



Anwar mengiringi Li Qiang pada Majlis Sambutan Rasmi Lawatan Perdana Menteri China itu ke Malaysia, di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

Seni dan Budaya (MOTAC) serta Kementerian Komunikasi.

Untuk MITI, pertukaran dokumen melibatkan dua MoU, untuk mengukuhkan kerjasama pelaburan dalam ekonomi digital dan menggalakkan kerjasama pelaburan dalam pembangunan hijau.

Turut dimeterai, kitaran kedua program lima tahun Malaysia-China untuk kerjasama ekonomi dan perdagangan bagi meningkatkan lagi hubungan antara industri dalam sektor-sektor yang menjadi keutamaan seperti pembuatan peringkat tinggi dan ekonomi digital.

Bagi Kementerian Komunikasi, dua MoU telah ditukar, pertama dengan China Media Group mengenai kerjasama dalam bidang media dan kedua, untuk mengukuhkan kerjasama dalam bidang pos antara Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan China State Postal Bureau.

Di bawah MoF, pertukaran dokumen melibatkan kenyataan bersama mengenai tetingkap tunggal kebangsaan untuk inisiatif perdagangan rentas sempadan, manakala di bawah KPT, MoU kerjasama dalam bidang pendidikan tinggi.

Di bawah MOSTI, MoU mengenai program pertukaran 'rakyat kepada rakyat', sains dan teknologi, manakala di bawah KPKT, pertukaran MoU untuk bidang perumahan dan pembangunan bandar.

Terdahulu, Li diberikan sambutan rasmi di Dataran Perdana, Putrajaya pada pagi.

Beliau disambut Anwar sejurus tiba jam 9.30 pagi, sebelum lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan, disusuli pemeriksaan barisan kehormatan tiga pegawai dan 103 anggota Batahon Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja, diketuai Mejar Adibadiuezshah Ahmad.

BERNAMA